



Headline: Peniaga bijak semak nombor akaun gagal Language: Malay  
dijerat scammer

Publication/Portal: Harian Metro

Section: Lokal

Date: 16 May 2022

Page: 12

## ***Peniaga bijak semak nombor akaun gagal dijerat scammer***

**Kuala Terengganu:** Tindakan bijak peniaga membuat semakan nombor akaun menyelamatkan dirinya daripada menjadi mangsa sindiket penipuan menggunakan nama Ketua Polis Terengganu pada Jumaat.

Lelaki berusia 44 tahun berkenaan sebelum itu dikatakan menerima panggilan telefon daripada nombor tidak dikenali jam 4.30 petang.

Pemanggil itu mendakwa sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sambil mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai RM39,600.90 lalu diarah memberi maklumat peribadi untuk semakan.

**RM2.28j**  
Jumlah wang haram yang didakwa membabitkan nama mangsa

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu Superintendan M Zambrri Mahmud berkata, mangsa didakwa mempunyai satu notis dikeluarkan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri yang ditandatangani Ketua Polis Negeri.

Katanya, selain itu mangsa turut didakwa terbabit kegiatan pengedaran dan

pengubahan wang haram berjumlah RM2.28 juta.

“Ahli sindiket itu kemudian menyambungkan panggilan kepada seorang lelaki yang dikatakan pegawai Bank Negara Malaysia (BNM).

“Lelaki itu mengarahkan mangsa memberikan maklumat perbankan dalam talian dan diminta membuat pindahan wang ke akaun diberikan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, mangsa tidak mengikut arahan lelaki itu lalu membuat semakan dan mendapati nombor akaun diberikan bukan nombor akaun BNM, sebaliknya milik individu.